



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL. 6/2025

MENTERI KEWANGAN telah menetapkan layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan berikut **berkuat kuasa 1 Julai 2025** iaitu –

PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA

Butiran 14, 15 dan 16, Kumpulan I, Jadual Pertama
Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018

BIL.	PERKARA	LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN
1.	Layanan cukai perkhidmatan bagi hospital swasta yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan daripada pihak ketiga (kemudahan kesihatan swasta atau kemudahan kesihatan bersekutu swasta lain).	(a) Tiada pengecualian <i>Business-to-Business (B2B)</i> diberikan untuk perkhidmatan kesihatan lain dalam kumpulan perkhidmatan yang sama. (b) Layanan cukai perkhidmatan ke hospital swasta yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan daripada pihak ketiga (kemudahan kesihatan swasta atau kemudahan kesihatan bersekutu swasta lain) adalah ditetapkan seperti berikut: (i) Situasi 1: kemudahan kesihatan swasta A merujuk pesakit ke kemudahan kesihatan swasta B tetapi bil invois terakhir hanya dijana kepada pesakit oleh kemudahan kesihatan swasta A. Bil invois dari kemudahan kesihatan swasta B kepada kemudahan kesihatan swasta A bagi pesakit bukan warganegara adalah tertakluk kepada kenaan cukai perkhidmatan kerana pesakit walk-in secara terus ke kemudahan kesihatan B; dan (ii) Situasi 2: kemudahan kesihatan swasta A menghantar sampel cecair seperti darah atau air kencing pesakit kepada kemudahan kesihatan swasta B tetapi bil invois terakhir hanya dijana kepada pesakit oleh kemudahan



BIL.	PERKARA	LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN
		kesihatan swasta A. Bil inuis dari kemudahan kesihatan swasta B kepada kemudahan kesihatan swasta A bagi pesakit bukan warganegara adalah tidak tertakluk kepada kenaa cukai perkhidmatan kerana pesakit tidak <i>walk-in</i> secara terus ke kemudahan kesihatan B.
2.	Layanan cukai perkhidmatan ke atas alat bantuan perubatan (<i>medical aids</i>) adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.	Bil inuis rawatan kesihatan termasuk <i>medical aids</i> di dalam satu (1) inuis yang sama atau inuis yang berlainan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
3.	Layanan cukai perkhidmatan ke atas pesakit bukan warganegara yang mempunyai pasangan warganegara Malaysia dan bekerja dengan pihak kerajaan di mana pembayaran rawatan adalah melalui <i>guarantee letter</i> (GL) Kerajaan.	Kadar bayaran cukai perkhidmatan tidak akan ditanggung oleh pihak Kerajaan melalui kaedah <i>guarantee letter</i> (GL) Kerajaan. (i) Tanggungjawab pembayaran cukai perkhidmatan tersebut adalah kepada pesakit berstatus bukan warganegara. (ii) Maka, kemudahan kesihatan swasta hendaklah menuntut pembayaran nilai cukai perkhidmatan terlibat dari pesakit bukan warganegara semasa discaj.
4.	Hospital swasta menyediakan perkhidmatan sampingan lain (selain rawatan kesihatan) kepada pesakit bukan warganegara seperti <i>luggage storage</i> .	Perkhidmatan sampingan lain seperti <i>luggage storage</i> (selain perkhidmatan jagaan kesihatan) yang disediakan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta, perubatan tradisional dan komplementari swasta dan kemudahan kesihatan bersekutu swasta kepada bukan warganegara adalah termasuk sebagai skop perkhidmatan jagaan kesihatan dan tertakluk kepada kenaa cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan jagaan kesihatan pada kadar 6%.



BIL.	PERKARA	LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN
5.	Kemudahan jagaan kesihatan swasta menyediakan perkhidmatan sewaan mesin atau peralatan kesihatan untuk menjalankan rawatan kesihatan kepada pesakit.	(a) Perkhidmatan sewaan mesin atau peralatan kesihatan bagi tujuan rawatan kesihatan yang disediakan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta, kemudahan perubatan tradisional dan komplementari swasta dan kemudahan kesihatan bersekutu swasta adalah skop perkhidmatan bercukai bagi perkhidmatan jagaan kesihatan swasta, kemudahan perubatan tradisional dan komplementari swasta dan kemudahan kesihatan bersekutu swasta. (b) Sehubungan dengan itu, perkhidmatan sewaan mesin atau peralatan kesihatan yang disediakan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta, kemudahan perubatan tradisional dan komplementari swasta dan kemudahan kesihatan bersekutu swasta kepada pesakit berstatus bukan warganegara adalah tertakluk kepada kenaaan cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan jagaan kesihatan pada kadar 6%.

Penafian:

Dasar cukai perkhidmatan yang dikeluarkan ini adalah tertakluk kepada sebarang pindaan sekiranya terdapat apa-apa perubahan dasar yang berkaitan.

**BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI IBU PEJABAT
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**